

NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper : SINAR HARIAN

Date : 31 OGOS 2017

Title : Latar edar Jalur Gemilang

Section : Kuala Selangor/Tanjung Karang Page : 39

Latar edar Jalur Gemilang



Ahmad Fuad memasang Jalur Gemilang pada kereta pengguna Latar sempena sambutan kemerdekaan.

KUALASELANGOR-Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (Latar) mengambil inisiatif tersendiri mengedar Jalur Gemilang dan cenderahati kepada pengguna sempena sambutan kemerdekaan ke-60.

Ketua Pegawai Operasi Lebuhraya Latar, Ahmad Fuad Ahmad Shahimi berkata, edaran bendera itu sebagai tanda tanggungjawab sosial korporat bagi

menyemarakkan lagi semangat kemerdekaan pada tahun ini.

“Edaran dibuat di Plaza Tol Kuang Timur kepada pengguna setia Latar bermula jam 3 petang.

“Semoga merdeka kali ini meningkatkan rasa cinta kepada negara sejajar dengan tema kemerdekaan tahun ini iaitu *Negaraku Sehati Sejiwa*,” katanya.